

D813

U 8869 DEB

UMNO - HAK

KUALA LUMPUR, 27 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN BAHAWA UMNO AKAN TERUS MEMPERTAHANKAN KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG-ORANG MELAYU DI NEGARA INI.

BELIAU MENYIFATKAN GOLONGAN YANG CUBA MENGANCAM KEDUDUKAN ITU SEBAGAI MENDERHAKA KEPADA ORANG MELAYU DAN MENGKHIANATI ISLAM.

+UNDI MEMANG PENTING DALAM POLITIK DEMOKRASI, TETAPI JANGANLAH KERANA UNDI KITA SANGGUP MENJUAL BANGSA DAN KETURUNAN KITA,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG KE-36 UMNO DI KOMPLEKS UMNO DI SINI.

+JANGAN KITA MEMUTAR-BELITKAN TAFSIRAN AGAMA UNTUK KEPENTINGAN PILIHANRAYA SEPERTI YANG DIBUAT OLEH SATU KUMPULAN YANG KONONNYA BERPEGANG KEPADA AJARAN ISLAM,+ KATANYA YANG DISUSULI DENGAN TEPUKAN GEMURUH.

BELIAU MENASIHATI ORANG-ORANG MELAYU SUPAYA MENEBAHKAN SEMANGAT KEBANGSAAN DENGAN MENENTUKAN BAHAWA KEMAMPUAN DAN KEUPAYAAN MEREKA ADALAH SAMA DENGAN KAUM-KAUM LAIN DI NEGARA INI. -- LAGI.
1241MST 27 09 85

D814

U 8870 DEB

UMNO - HAK 2 KUALA LUMPUR

SEMANGAT KEBANGSAAN BUKAN UNTUK MENDABIK DADA, UNTUK BERMEGAH-MEGAHDAN DAN SOMBONG ATAU UNTUK MEMANDANG HINA ORANG-ORANG LAIN.

+SEMANGAT KEBANGSAAN UNTUK MENDORONG KITA SUPAYA SAMA, BAHKAN LEBIH DARIPADA ORANG LAIN, DAN DENGAN CARA INI, KITA MENJADI BANGSA YANG BERMARUAH, DIHORMATI DAN DISEGANI.

+JANGANLAH SESIAPA MENCEMARAKAN SEMANGAT KEBANGSAAN KITA INI DENGAN KELAKUAN ATAU PERBUATAN BURUK YANG MENGHINAKAN BANGSA KITA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN BAHAWA SEBAGAI PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU, UMNO TIDAK RAGU DENGAN KESILAMAN DIRINYA.

+UMNO AKAN TERUS BERPEGANG KEPADA SEMANGAT KEBANGSAAN, KERANA SEMANGAT KEBANGSAAN DALAM UMNO ADALAH SAMA DENGAN SEMANGAT KEBANGSAAN YANG DIPERLIHATKAN OLEH MUJAHIDDIN AFGHANISATAN. -- LAGI.
1243MST 27 09 85

D815

U B871 DEB

UMNO - HAK 3 KUALA LUMPUR

+SEMENTARA KITA MENGANGGAP NEGERI-NEGERI MELAYU SEBAGAI BUMI ASLI ORANG MELAYU, KITA AKUI HAK KETURUNAN KAUM-KAUM LAIN SEBAGAI WARGANEGARA MALAYSIA.

+WALAUPUN ADA DI ANTARA MEREKA YANG DENGAN MUDAHNYA MENINGGALKAN BUMI MALAYSIA UNTUK BERMASTAUTIN DI NEAGRA LAIN, TETAPI KITA TIDAK MENAFIKAN BAHAWA KEBANYAKAN MEREKA YANG BERMASTAUTIN DI NEGARA INI BENAR-BENAR SETIA DAN TAAT KEPADA MALAYSIA.+

KATANYA, ORANG-ORANG MELAYU TIDAK HARUS BERASA SEGAN-SILU DENGAN PERASAAN KASIH SAYANG MEREKA TERHADAP NEGARA DAN BANGSANYA.

+SEBAGAI PARTI KEBANGSAAN, UMNO AKAN MELINDUNGI ORANG-ORANG MELAYU KHUSUSNYA SERTA RAKYAT DAN NEGARA MALAYSIA AMNYA DARIPADA/DAN PENGARUH-PENGARUH LUAR,+ KATANYA. -- BERNAMA

1244MST 27 09 85